

NNNN
MAHATHIR-PEJABAT
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 21 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD AKAN PINDAH KE PEJABATNYA YANG BARU DI PERBAIKI DI JALAN DATUK ONN PAGI ESOK.

KESEMUA PERSIAPAN TELAH SELESAI DILAKUKAN KECUALI BEBERAPA KERJA KECIL BAGI MENUNGGU KETIBAAN PERDANA MENTERI.

+TIDAK ADA UPACARA BESAR-BESARAN YANG DIRANCANGKAN BAGI MENYAMBUT PEMINDAHAN PERDANA MENTERI KE PEJABATNYA ITU KECUALI MAJLIS DOA SELAMAT YANG AKAN DIHADIRI OLEH KAKITANGAN PEJABAT PERDANA MENTERI, +KATA SEORANG JURUCAKAP JABATAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN KAKITANGANNYA MENJALANKAN TUGAS MEREKA DARI BLOK MENARA BANGUNAN PARLIMEN SETELAH SATU KEBAKARAN MEROSAKKAN BANGUNAN PEJABAT BELIAU BULAN MEI TAHUN LALU.

KEBANYAKAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN PERDANA MENTERI BERPINDAH BALIK KE PEJABAT DI JALAN DATUK ONN SEJAK DUA HARI LALU.
--LAGI 1708/AN

ZCZC B602

MAHATHIR-PEJABAT 2 KUALA LUMPUR

HANYA PERDANA MENTERI, PEGAWAI PENGIRING DAN PENGAWAL PERIBADI BELIAU YANG MASIH BERPEJABAT DI BANGUNAN PARLIMEN.

JURUCAKAP ITU BERKATA FAIL-FAIL PERIBADI PERDANA MENTERI MASIH BERADA DI BANGUNAN PARLIMEN DAN AKAN DIPINDAHKAN PETANG INI ATAU PAGI ESOK.

PEJABAT PERDANA MENTERI YANG BARU DIBAIKI ITU MENGANDUNGI TIGA TINGKAT DAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MENDUDUKI DI TINGKAT PALING ATAS.

DI TINGKAT YANG SAMA TERDAPAT BILIK KABINET DAN PEJABAT-PEJABAT SETIAUSAHA-SETIAUSAHA POLITIK PERDANA MENTERI, MEGAT JUNID AYUB DAN ENCIK AZIZ SHAMUDDIN SERTA KETUA SETIAUSAHA PERIBADI, DATUK AZIZAN ZAINAL ABIDIN.

TINGKAT KEDUA MEMPUNYAI SEBUAH BILIK MESYUARAT YANG BESAR SERTA DUA BUAH BILIK BAGI MENYAMBUT ORANG-ORANG KENAMAAN ASING SERTA LAIN-LAIN TETAMU.

PEJABAT KAKITANGAN PENTADBIRAN DAN BAHAGIAN AKHEAR DITEMPATKAN DI TINGKAT BAWAH.

--BERNAMA 1711/AN